UNTUK SIARAN SEGERA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KARNIVAL MEMBACA PERDANA DAN PESTA BUKU MELAKA 2026 SEMARAK BUDAYA MEMBACA DAN DEKATKAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN KEPADA RAKYAT

MELAKA, 31 Oktober – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) terus mempergiatkan pelbagai inisiatif dalam mengalakkan amalan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Antara program yang dilaksanakan ialah Program Baca Bersama 10 Minit, Karnival Citra Penulis 2026, Wacana Bahasa Warisan 2026, Minggu Literasi Media dan Maklumat (MLMM) 2026, Program Sentuhan Komuniti Bestari serta Kembara Ilmu.

Perkara tersebut dinyatakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang ketika menyampaikan ucapan alu-aluan sempena **Majlis Perasmian Karnival Membaca Perdana dan Pesta Buku Melaka 2026** di The Shore Shopping Gallery, hari ini. Beliau berkata, pelaksanaan program-program tersebut mencerminkan pendekatan menyeluruh kementerian dalam memperluas kepada akses kepada ilmu, menyemarakkan budaya membaca dan mendekatkan perkhidmatan perpustakaan kepada masyarakat daripada pelbagai latar belakang.

Tambah beliau lagi, program galakan membaca telah menunjukkan trend peningkatan yang ketara daripada 75 program dengan 113,408 penyertaan pada tahun 2023 kepada 139 program dengan 234,158 penyertaan pada tahun 2024. Tahun lalu, pelaksanaan program meningkat kepada 146 program dengan 422,994 penyertaan di seluruh negara.

Selain itu, YB Datuk Aaron turut berkongsi bahawa kadar pembacaan rakyat Malaysia mencapai 88.6% iaitu merangkumi 16 naskhah bahan bacaan bercetak dan lapan naskhah bahan bacaan digital. Rakyat Malaysia juga memperuntukkan purata sekitar 9 jam 22 minit seminggu untuk membaca.

Sementara itu, dalam memperkukuh ekosistem pembacaan negara, KPN melalui PNM turut memberikan perhatian kepada keperluan penerbit sebagai rakan

strategik dalam industri perbukuan negara seperti memperkenalkan Sistem Depositori dan pembangunan Pusat Warisan Intelek Negara (MyWIN) di Bukit Jalil. Bilangan penerbit baharu juga menunjukkan pertambahan daripada 1,873 pada tahun 2025 kepada 3,216 pada Ogos 2026 sekaligus membuka lebih ruang kepada penghasilan serta kepelbagaian bahan bacaan berkualiti untuk masyarakat.

Sempena penganjuran karnival ini, PNM turut mengadakan Pertandingan Ruang Bacaan Keluarga Peringkat Kebangsaan 2026 dan Program Penarafan Bintang Perpustakaan Khusus Guna Sama (PKG). Pertandingan Ruang Bacaan Keluarga telah menerima sebanyak 336 penyertaan dari seluruh negara manakala 84 buah perpustakaan telah menyertai Program Penarafan Bintang Perpustakaan Khusus Guna Sama.

Karnival Membaca Perdana anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM) ini berlangsung selama empat hari, bermula 29 Oktober hingga 1 November 2026 dengan sasaran kehadiran kira-kira 35,000 pengunjung. Selain pameran dan jualan buku, karnival ini menampilkan Bicara Inspirasi, Bengkel Penulisan Kreatif dan Jejak Cop Literasi.

Kementerian Perpaduan Negara
31 Oktober 2026
KPN.100-9/1/16 (86)

MALAYSIA MADANI